

Malaysia, Indonesia, Filipina tingkat kerjasama tangani jenayah antara sempadan

PUTRAJAYA 7 Mei - Malaysia, Indonesia dan Filipina hari ini menandatangani perjanjian pertukaran maklumat dan prosedur komunikasi untuk mempertingkatkan kerjasama menangani jenayah merentasi sempadan bersama.

Perjanjian yang meliputi pencegahan pelbagai jenayah antara sempadan seperti keganasan, penipuan wang, penyeludupan dan pengedaran dadah ditandatangani oleh pemimpin dari ketiga-tiga negara.

Majlis yang berlangsung di Jabatan Perdana Menteri itu disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo.

Pada majlis tersebut Malaysia dan Indonesia masing-masing diwakili oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan N Hassan Wirajuda manakala Filipina diwakili oleh Setiausaha Dalam dan Tempatannya, Jose D. Lina Jr.

Pemeteraian perjanjian itu me-

nandakan berakhirnya usaha perundingan selama empat bulan yang bermula dengan mesyuarat peringkat pegawai di Filipina pada 27 dan 28 Disember tahun lalu, bagi merangka draf awal perjanjian itu.

Menerusi perjanjian berkenaan, ketiga-tiga negara bersetuju untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa bersama yang akan merangka dan menentukan bentuk operasi serta kaedah pentadbiran bagi melaksanakan isi perjanjian berkenaan.

Mengulas mengenai perjanjian bersama itu, Syed Hamid berkata, ia merupakan satu lagi usaha menentang keganasan dan jenayah antara sempadan selari dengan mekanisme yang telah ditetapkan oleh ASEAN.

Katanya, perjanjian itu juga mencerminkan kesungguhan ketiga-tiga negara untuk bergerak bersama menjamin keselamatan bersama di rantau ini.

Syed Hamid berkata, beliau ya-

kin persefahaman itu akan memberi manfaat khususnya bagi memastikan keselamatan perairan dan sempadan selamat untuk kegunaan rakyat di ketiga-tiga negara.

"Kejayaan ini seharusnya menjadi contoh kepada negara jiran untuk melihat kepentingan bersama dalam soal keselamatan dan keamanan," katanya.

Beliau berkata, ketiga-tiga negara itu juga tidak mempunyai masalah untuk menerima negara lain yang berminat untuk menyertai bersama perjanjian itu.

Sementara itu, Hassan Wirajuda berkata, perjanjian itu menandakan bermulanya komitmen bersama bagi ketiga-tiga negara memerangi keganasan.

"Sebelum ini hubungan kita lebih banyak secara tidak rasmi dan berpecah-pecah, tetapi hari ini kita satukan pelbagai bidang dalam satu bentuk kerjasama yang rasmi," katanya.